

MAJLIS PERASMIAN MY KAMPUNG MY FUTURE (MKMF)



Penulis : Jackson Gara

Foto : Mohd Redzuan

Rembau, 23 April - Majlis Perasmian My Kampung My Future (MKMF) yang diadakan di Dataran Kundur, Kampung Kundur Hulu, Rembau, Negeri Sembilan telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Mohammad bin Haji Hassan, Menteri Besar Negeri Sembilan.

Turut hadir pada Majlis Perasmian ini adalah YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, YB Dato' Dr. Hj. Awaludin bin Said, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Sembilan, YBhg. Dato' Seri Hj Mat Ali bin Hasan, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, YB Tuan Khairy Jamaluddin, Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Hj Hasim bin Rusdi, EXCO Kerajaan Negeri Sembilan, YB Dato' Zaifulbahri bin Idris, EXCO Kerajaan Negeri Sembilan, YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail Hj. Bakar, Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, YBhg. Tan Sri Professor Dr. Mohd Amin Jalaludin, Naib Canselor Universiti Malaya, Yang Berusaha Tuan Haji Zubir Jamal, Pengerusi JKKK

Kampung Kundur Hulu, Ketua-ketua Jabatan Negeri & Persekutuan dan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Negeri dan Persekutuan.

Program MKMF ini telah menggunakan pendekatan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) dalam usaha mentransformasikan komuniti setempat dengan menggalakkan golongan belia untuk terus berada di kampung dan menjalankan aktiviti pertanian yang bernilai tinggi. Antara aktiviti yang diatur sepanjang tiga (3) hari program ini berlangsung adalah explorace, pertandingan masakan, jualan My Best Buy, program anak angkat, sukan rakyat dan pameran daripada Jabatan dan Agensi.

Program ini juga dilihat sebagai pemangkin kepada usaha yang mampu merencanakan lagi aktiviti ekonomi sesebuah kawasan luar bandar sekaligus memastikan pertanian sebagai antara sektor utama dan mampu mengubah kehidupan penduduk ke tahap yang lebih baik.